

25 NOV 1997

Kanada-Mahathir

KANADA YAKIN EKONOMI ASIA AKAN BANGKIT SEMULA

Oleh: Salmly Hashim

VANCOUVER, 25 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Kanada Jean Chretien melahirkan keyakinan yang ekonomi-ekonomi Asia mempunyai tenaga untuk bangkit kembali daripada masalah mata wang dan pasaran saham selepas pertumbuhan menakjubkan sejak 20 tahun lepas.

Beliau berkata setakat ini beliau tidak nampak sebarang kesan jangka panjang daripada pergolakan mata wang itu dan beliau yakin Tabung Kewangan Antarabangsa masih mampu menyelamatkan ekonomi-ekonomi yang menghadapi masalah.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan rundingan dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari Isnin, kata seorang pegawai Kanada kepada pemberita selepas mesyuarat itu.

Chretien juga memberitahu Dr Mahathir beliau bersetuju bahawa ketelusan institusi kewangan adalah sangat penting.

Menurut pegawai itu, Perdana Menteri Kanada itu juga melahirkan simpatinya terhadap ekonomi-ekonomi Asia yang terjejas akibat masalah mata wang, tetapi merasakan untuk mengawal selia dagangan mata wang adalah sesuatu yang "sukar" dilaksanakan.

Dr Mahathir memberitahu majlis makan malam Sidang Kemuncak CEO Apec pada Ahad malam bahawa dagangan mata wang yang menguasai 95 peratus daripada dagangan dunia, mestilah mempunyai lebih banyak ketelusan, kawal selia dan dikenakan cukai.

Beliau menyelar Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) kerana tidak berusaha bersungguh-sungguh mengawal selia dagangan seumpama itu dan mencadangkan ketua-ketua Apec mencapai satu perjanjian mengenai kawal selia dagangan mata wang.

Malaysia yang kekurangan AS\$30 bilion (RM102 bilion) daripada KDNK berikutan penyusutan mata wang, tidak mengambil sebarang keuntungan daripada segi cukai daripada peniaga mata wang yang mengaut sejumlah besar wang daripada perdagangan ringgit, kata Dr Mahathir.

Sejumlah 18 ketua kerajaan negara Apec berkumpul di sini bagi sidang kemuncak Apec kelima dan dijangka mengeluarkan deklarasi pada akhir mesyuarat tahunan itu dan dijangka menyokong inisiatif Manila bagi mempercepatkan bantuan kepada ekonomi-ekonomi Asia yang menghadapi masalah.

Satu laporan akhbar menyatakan draf deklarasi Apec memuatkan sepotong ayat yang menyebut kumpulan itu menyokong usaha untuk memahami lebih jelas sama ada pasaran modal antarabangsa perlu dikawal selia, satu isu yang dibangkitkan secara khusus berikutan gesaan Malaysia sebelum ini supaya diadakan peraturan bagi mengawal dagangan mata wang.

Setakat ini, Thailand, Filipina, Indonesia dan Korea Selatan telah meminta bantuan kewangan daripada IMF dan negara-negara lain.

Daniel Tarullo, Penasihat Khas Ekonomi kepada Presiden Bill Clinton, memberitahu Bernama Dr Mahathir ada menyatakan cadangannya dalam pertemuan pagi Isnin bersama Clinton, tetapi ketua-ketua negara itu lebih banyak menumpukan kepada rangka kerja Manila

Katanya tiada sesuatu yang khusus dibincangkan mengenai cadangan Dr Mahathir dan oleh yang demikian Amerika Syarikat tidak mempunyai apa-apa untuk diulas. -- BERNAMA

SH MA NMO